

**GARIS PANDUAN**

**DARI PADA TESIS**

**KEPADA BUKU**

## **KANDUNGAN**

### **Prakata**

1.	Pengenalan	vii
2.	Tesis	1
3.	Buku	2
4.	Kriteria Pemilihan	6
5.	Kaedah Pemilihan	7
6.	Proses Pengubahsuaian	11
	Bahagian Awalan	
	Bahagian Teks	
	Bahagian Akhiran	
7.	Penutup	20
	Lampiran 1	21
	Lampiran 2	22
	Lampiran 3	23

## PRAKATA

Tesis merupakan kajian ilmiah atau disertasi yang ditulis dengan tujuan untuk melayakkan seseorang memperoleh ijazah. Penulisan lebih berbentuk laporan tentang penyelidikan yang dijalankan. Namun, kajian yang baik sebegini tidak dapat disalurkan kepada masyarakat kerana khalayak tesis lebih kepada ahli akademik di universiti. Dikatakan bahawa karya-karya besar yang diterbitkan setiap tahun bermula sebagai disertasi kedoktoran. Jika seseorang menghasilkan tesis yang luar biasa, maka peluang tesis itu diterbitkan amat cerah. Walau bagaimanapun, apa yang menyebabkan tesis itu luar biasa kepada komuniti akademik.

Kebanyakan tesis yang tidak disemak semula lazimnya tidak bernilai untuk diterbitkan. Bagi tujuan penerbitan, tesis perlu diubah kepada bentuk buku agar bahasa dan kaedah penyampaian bahan menjadi lebih mudah difahami dan tidak terlalu terikat dengan ciri-ciri ekademik. Sehubungan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengorak langkah berusaha untuk menyampaikan ilmu kepada masyarakat dengan menerbitkan tesis tersebut.

Garis Panduan Daripada Tesis Kepada Buku dihasilkan untuk menjadi penduan kepada editor dan bakal pengarang yang ingin menerbitkan tesis atau disertasi mengikut struktur penerbitan buku. Dengan terhasilnya panduan ini, diharapkan dapat membantu memudahkan proses pengubahan. Panduan ini hanyalah sebagai asas dan harus dimantapkan dari semasa ke semasa bagi mencapai mutu penerbitan daripada tesis kepada buku ke tahap terbaik.

Jabatan Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka merakamkan penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak dari Universiti Malaya, selaku fasilitator dalam menyediakan garis panduan ini; Dato' Dr. Mohd. Anwar Ridhwan, bekas Pengarah Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka; dan Bahagian Sains Sosial dan Kemanusiaan yang mengambil daya usaha untuk menyediakan bahan ini.

Jabatan Penerbitan juga merakamkan penghargaan kepada kumpulan editor yang telah berusaha menyediakan buku panduan ini, iaitu arshad Rawian, Abd. Rashid Muhamad, Asiah Daud, Abd. Karim Abu Bakar, Datin Rajnah Allapitchay, Rokiah Nordin, Norimah Bajuri, Azmi Ibrahim, Asiah Salleh, Rosnani Mat Jihin, Mohd. Azam Juhari, Suryani Zakaria, Noraini Abd. Shukor, Norhisyam karno, Mohammad Mahdi Abas, Md. Shukuri Hamzah, Darul Azrita Ismail, dan Nik radziah Ali. Juga kepada Haliza Jamaluddin dari Bahagian Ensiklopedia yang melakukan penyemakan terakhir terhadap draf panduan ini.

Akhir sekali, tetapi tidak kurang pentingnya ialah penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka,

iaitu Hasrom Haron, Profesor emeritus Datuk Dr. Ishak Haron, dan Profesor emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar yang meneliti dan mengemukakan pandangan mereka tentang garis panduan ini. Juga penghargaan kepada Dato' Dr. Firdaus Haji Abdullah, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang sudi meneliti draf garis panduan ini dan mengemukakan pandangan sebelum diterbitkan.

Selain khidmat fasilitator dan pembengkelan, dalam menyediakan garis panduan ini, kami juga merujuk kepada buku From Dissertation to Book karya William Germano dan Handbook for Academic Authors karya Beth Luey.

Pengarah Penerbitan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Ogos 2006

## **1. PENGENALAN**

Dalam academia, pelajar siswazah dikehendaki menulis disertasi atau tesis. Istilah disertasi digunakan dalam academia Amerika Syarikat merujuk kepada bentuk fizikal "Karya tradisi ilmiah" yang disiapkan oleh pejar siswazah. Dalam tradisi academia Inggeris sezaman, tesis dan disertai saling digunakan. Pastinya, tesis, sama ada tesis sarjana atau tesis sarjana muda, manakala disertasi itu juga – Amerika Syarikat dan Inggeris merujuk tesis sebagai matan dapatan kajian yang dibentangkan oleh sesebuah karya latihan ilmiah itu.

Bagi memudahkan cara kerja panduan ini, istilah disertasi digunakan merujuk bentuk fizikal teks, manakala istilah tesis digunakan merujuk matan kajian disertasi itu yang boleh bersifat persoalan kajian, hipotesis, teori atau tesis. Dalam akademik moden, disertasi dijangka mengandungi tesis.

Oleh itu, salah satu perkara penting yang perlu diperhatikan apabila menerima dan menimbangkan sesebuah disertasi, hendaklah dipastikan, sama ada disertasi itu mempunyai sebuah tesis yang menarik, suau penemuan baru, asli, relevan, dan signifikan. Tanggapan umum menjangkakakan bahawa setiap disertasi mempunyai tesisnya atau setiap tesis mesti mempunyai tesisnya!

Dari segi penerbitan, sesebuah disertasi yang mempunyai tesis yang menarik dan sesuai untuk diterbitkan, boleh diterbitkan dalam bentuk buku atau monograf. Monograf ialah satu karya kajian ilmiah yang khusus untuk satu bidang atau subjek, ditulis dengan mendalam oleh pengarang tunggal. Buku ialah sebuah terbitan yang mempunyai bidang ilmu yang diperluas dan tidak sama sekali sempit seperti sesebuah monograf.

Tiga kemungkinan dalam menimbangkan sesebuah disertasi yang hendak diterbitkan, iaitu :

- (i) Menerbitkan disertasi itu sebagai sebuah buku, dan oleh itu, ufuk tesis disertasi itu sudah dikembangkan, serta diberikan suntingan yang sesuai bagi menjadikannya sebuah buku yang sesuai dengan sasaran pembaca.
- (ii) Kedua, menerbitkan disertasi sebagai sebuah monograf dengan mengekalkan sifat bidang yang khusus, terperinci dan sempit, tidak diluaskan ufuknya dengan diberikan suntingan yang minimum sesuai dengan sasaran pembaca.

- (iii) Disertasi yang hendak diterbitkan mesti disesuaikan dengan sasaran pembaca, tidak terhad kepada penyelia dan pemeriksa disertasi. Persoalan kajian atau tesis yang terdapat di dalamnya hendaklah sesuatu yang memberikan jawapan kepada pembacanya.

## 2. TESIS

Sesebuah tesis yang baik dipertimbangkan untuk penerbitan. Ciri unik yang ada pada sesebuah tesis dikenal pasti bagi tujuan tindakan menyunting dan meminda tesis itu agar dapat diterbitkan dan sesuai dengan sasaran pembaca.

Sesebuah tesis dibina mengikut struktur tertentu yang ditetapkan oleh sesebuah institusi atau universiti. Walau bagaimanapun, struktur asasnya adalah seperti yang berikut :

- (i) Judul.
- (ii) Pengakuan.
- (iii) Penghargaan.
- (iv) Abstrak.
- (v) Senarai Kandungan.
- (vi) Senarai jadual, ilustrasi, peta.
- (vii) Senarai simbol, singkatan, tatanama, istilah, kes perundangan, status.
- (viii) Pengenalan.
- (ix) Ulasan kepustakaan.
- (x) Kaedah Kajian.
- (xi) Data dan bahan.
- (xii) Analisis.
- (xiii) Perbincangan.
- (xiv) Kesimpulan.
- (xv) rujukan atau bibliografi.
- (xvi) lampiran.

Bab keterangan kandungan tesis ialah struktur tesis yang menerangkan kandungan bab demi bab tesis berkenaan. Bab ini diperlukan dalam sesebuah disertasi, tetapi tidak untuk sebuah buku. Bab ini boleh dibuang atau diringkasjana sahaja.

Bab ulasan kepustakaan kerap dibina dalam sesebuah tesis. Pelajar (penulis) diminta membaca dan mengupas perkembangan idea, pandangan, pemikiran, teori, dan sebagainya tentang bidang

subjek tesis yang ditulis. Ini mungkin satu latihan yang memastikan pelajar membawa buku dan monograf, pembaca tidak perlu diberikan maklumat terperinci seperti itu. Ada kalanya bab ini boleh ditiadakan langsung atau diringkaskan dalam bab pengenalan bersama-sama dengan pembentangan kerangan kajian, hipotesis, dan keterangan ringkas tentang kandungan tesis.

Tesis lazimnya mengandungi senarai sumber rujukan yang panjang dan luas kerana pelajar dikehendaki membuktikan bahawa dia telah membaca dan merujuk semua korpus dalam bidang kajian yang dilakukannya. Sesebuah tesis mesti menunjukkan bahawa pelajar berkenaan merujuk kepada sumber tertentu apabila dia memetik sesuatu data, maklumat, pandangan, teori, dan sebagainya.

Tesis ialah sebuah karya yang diperiksa oleh satu kumpulan pakar yang kecil. Tesis bukan ditulis untuk sasaran pembaca yang lebih besar, seperti yang lazim dihadapi oleh sesebuah terbitan khasnya buku atau monograf. Ciri ini membezakan tesis dengan buku dan perlu diberikan perhatian dalam proses pemindahan tesis kepada buku dan monograf.

Dokumentasi yang banyak bagi membuat pembuktian dalam bentuk rujukan catatan kaki dan catatan hujung yang panjang memang sesuai bagi sesebuah tesis dan barangkali dikehendaki oleh sistem penulisan disertasi atau tesis institusi atau universiti berkenaan. Apabila diterbitkan sebagai buku, dokumentasi dalam bentuk rujukan dan catatan yang berjela-jela hendaklah dikurangkan. Bahan catatan yang perlu dan berkait langsung dengan tesis boleh dimasukkan ke dalam teks dalam ayat dan perenggan tertentu.

Oleh sebab sebuah tesis ditulis menurut kerangka yang ketat, maka pelajar terpaksa membuat kenyataan yang jika diterbitkan akan membantutkan pembaca. Maklumat itu menyatakan pelajar berkenaan mengehadkan kajian oleh sebab tertentu, dan menyatakan kesukaran mendapatkan sumber menyebabkan kajian itu terhad. Apabila diterbitkan sebagai buku dan monograf, teks bahagian ini hendaklah dibuang.

Penomboran sebab-musabab, kesan, konsep, proses kerja, dan sebagainya seakan-akan sebuah buku manual. Kurangkan penomboran.

Kesan trumpet, dalam sesebuah tesis kerap diletakkan ayat penanda, contoh yang jelas ialah : This Chapter will deal with the first period of the Cordovan Caliphate. The second period will be dealt with in the following chapter..

Bentuk teks begini tidak memberi pembaca kesinambungan dalam menghayati pemikiran karya tersebut. Cara ini berguna sebagai tesis, agar mudah rirujuk dan mungkin satu percubaan memudahkan pemeriksaan tesis oleh para pemeriksa.

Bentuk memohon maaf. Bentuk ini diajukan kepada pemeriksa untuk menyatakan had kajian. Bagi sasaran pembaca umum, perkara ini tidak penting. Lihat contoh yang menarik :

*Although I do not feel that I have covered the ground that should have been covered, because of the paucity of sources, an attempt has been made...*

atau

*Instead of offering a long apology for choosing this topic, I should like at the outset to delimit the subject of this book... I shall not predict the future nor shall I talk about crucial problem of the relationship between... I have ignore the important question...*

### 3. BUKU

Penerbitan buku sangat penting dalam bidang pendidikan dan kehidupan budaya masyarakat. Buku yang dikenali hari ini ialah hasil daripada rekaan percetakan taip boleh alih (movable type). China mencipta teknologi ini pada tahun 1000 Masihi, dan Korea pada tahun 1300-an. Buku pertama yang dicetak di Eropah oleh taip boleh alih adalah di Mainz, Jerman antara tahun 1453 hingga 1456, hasil rekaan percetakan oleh Johannes Gutenberg dan rakan-rakannya. Penerbitan buku boleh dibahagikan kepada tiga bidang – berdasarkan jenis khusus buku, iaitu buku dagang, buku pendidikan, dan buku rujukan.

Di bawah ini dinyatakan ciri, fungsi, dan kategori buku secara ringkas :

- (i) Buku ialah bahan bercetak yang mengandungi 49 halaman atau lebih tentang sesuatu subjek yang ditulis oleh seorang penulis atau lebih.
- (ii) Buku merupakan medium komunikasi idea antara penulis dengan pembaca umum.
- (iii) Buku ditujukan untuk pelbagai peringkat pembaca sasaran yang mempunyai latar belakang yang berbeza.
- (iv) Buku tidak mempunyai format yang khusus.
- (v) Kandungan buku mengandungi maklumat, pengetahuan, pandangan atau saranan.
- (vi) Buku ditulis dalam pelbagai kategori (umum, ilmiah, kreatif, fiksyen dan sebagainya) untuk pelbagai peringkat pembaca.

#### **4. KRITERIA PEMILIHAN**

Dasar Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka memberikan tumpuan kepada buku-buku yang bersifat komersial dan memenuhi tanggungjawab sosial. Selain itu, penerbitan DBP juga memberikan tumpuan kepada kepentingan ilmu.

Buku yang bersifat komersial merupakan buku-buku yang mempunyai pasaran luas. Antaranya ialah buku yang :

- (i) Berbentuk Melaysiana dalam pelbagai bidang ilmu.
- (ii) Menyentuh isu semasa.
- (iii) Berbentuk kontemporari yang boleh digunakan sebagai bahan pembelajaran di institusi pengajian tinggi.
- (iv) Meransang minda pembaca.

Buku yang tidak bersifat komersial boleh juga diterbitkan untuk memenuhi tanggungjawab sosial, dan antaranya ialah :

- (i) Buku pengukuhan bahasa.
- (ii) Buku bidang khusus, tetapi diperlukan sebagai rujukan dan pendokumentasian budaya dan sastera.
- (iii) Penulisan yang berupa penemuan sesuatu perkara yang baharu, istimewa, dan belum pernah diterbitkan. Contohnya, penemuan sejarah, sains atau isu-isu yang bersifat sejagat.
- (iv) Penulisan tentang tokoh yang berwibawa dan telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang ilmu dan pembinaan tamadun bangsa.

Tesis yang boleh dipertimbangkan untuk diterbitkan dalam bentuk buku dan monograf adalah seperti yang berikut :

- (i) Tesis sarjana atau kedoktoran yang telah di luluskan, tesis yang mendapat kelulusan cemerlang dan dicadangkan oleh pemeriksa atau pelopor supaya diterbitkan.
- (ii) Dari segi bahasa, tesis yang ditulis dalam bahasa Melayu diberikan keutamaan. Selain itu, pertimbangan penerbitan juga diberikan kepada tesis yang ditulis dalam bahasa Inggeris.
- (iii) Dari segi kandungan, tesis yang mengandungi persoalan kajian Malaysia dan persoalan kajian sejagat diberikan keutamaan.
- (iv) Kandungan karya tesis itu adalah sesuatu yang baru dan asli yang belum pernah diterbitkan.
- (v) Persoalan kajian tesis itu boleh diperluaskan skop dan ufuknya agar menarik pembaca yang lebih ramai dan pelbagai. Ini juga bermakna subjek buku yang akan diterbitkan itu tidak sempit, malah diperluaskan.
- (vii) Tesis itu boleh dipertimbangkan untuk terbitan dan melalui satu proses pemindahan.
- (viii) Tesis yang mudah diubah suai dari segi format, kandungan persembahan, dan bahasa.
- (viii) Tesis yang menggunakan bahasa yang baik dan gramatis.

## **5. KAE DAH PEMINDAHAN**

Ada beberapa perkara asas yang perlu difahami apabila melakukan pemindahan tesis kepada buku. Kebanyakkan karya ilmiah menggunakan dia strategi naratif yang asas, pertama, perkembangan kronologi, dan kedua, perkembangan tema. Selain itu, wajah karya ilmiah, khasnya sesebuah disertasi adalah bersifat satu teori atau satu konsep. Kaedah pemindahan tesis kepada buku ialah :

- (i) Kunci kaedah pemindahan yang utama ialah penyuntingan, Khasnya penyuntingan naskhah yang berat dan memerlukan komitmen yang tinggi. Editor mungkin perlu menyusun semula bab, perenggan dan ayat, atau susunan penghujahan. Sebaik- baiknya bab, perenggan dan/atau susunan penghujahan semula, tesis hendaklah dipulangkan kepada pengarang.
- (ii) Kaedah pemindahan juga melibatkan pembuangan sama bahan yang tidak diperlukan bagi sesebuah buku sesuai dengan sasaran pembaca.
- (iii) Atau, boleh juga dianggap menyusun semula bahan. Memindahkan bahan itu daripada satu tempat atau bahagian kepada tempat atau bahagian lain dikenali sebagai kitar semula.
- (iv) Memendekkan karya, iaitu ada bab atau bahagian yang dibuang, ada bab atau bahagian yang kerap diringkaskan. Kurangkan contoh yang kerap berlebihan dalam sesebuah tesis.
- (v) Mempermudah bahasa, istilah, dan ayat. Rukun penulisan yang baik ialah bahasa yang mudah difahami. Istilah khusus dalam bidang ilmu masing-masing hendaklah ditakrif dan dijelaskan, kerana sasaran pembaca buku ini bukan semestinya sarjana dalam bidang yang sama. Orang awam mungkin membaca buku itu kelak. Untuk memudahkan kefahaman pembaca, jargon hendaklah dikurangkan, sebaliknya gunakan peribahasa dan metafora di tempat yang sesuai.

- (vi) Mengubah persoalan kajian atau hipotesis. Ini adalah sesuatu yang berat yang menyebabkan mungkin sesebuah tidak layak diterbitkan. Kemungkinan tesis yang dihasilkan amat menarik dan mantap, tetapi mungkin pernyataan persoalan kajian, atau kaedah atau data atau analisisnya atau kesimpulannya tidak selari. Jikalau pengarang sanggung mengubah atau mengemaskini tesis kerana memikirkan ada sesuatu yang berguna boleh diterbitkan atau diketengahkan, maka "pengubah" ini boleh dilakukan.

## 6. PROSES PENGUBAHSUAIAN

Tujuan tesis ini adalah untuk menunjukkan keupayaan pengarang merumuskan persoalan dan masalah, menjalankan kajian untuk menyelesaiakannya, dan menulis hasil kajian. Sebaliknya, tujuan buku adalah untuk menyampaikan atau menyalurkan idea. Tesis memenuhi keperluan akademik, manakala buku memenuhi keperluan untuk berbicara secara umum. Khalayak tesis lebih kecil daripada sesebuah jawatankuasa, sedangkan khalayak buku menjangkau ribuan pembaca yang tidak dikenali oleh pengarang.

Secara ringkas, perbezaan antara tesis dengan buku adalah dari segi tujuan, khalayak, pengarang, skop, nada suara dan gaya, dan dokumentasi.

Meskipun tesis berbeza daripada buku dan banyak faktor yang menghalang tesis menjadi buku, namun sesetengah tesis dapat mengatasi halangan ini, dan mempunyai potensi untuk menjadi buku yang baik. Proses pengubahsuaian tesis menjadi buku mempunyai beberapa tahap sederhana.

Yang paling penting daripada tahap itu ialah pengubah daripada satu jenis manuskrip yang belum diterbitkan ke dalam bentuk lain, iaitu daripada tesis yang belum diterbitkan kepada manuskrip buku yang belum diterbitkan. Kedua-duanya mempunyai pengarang yang sama, mengandungi kebanyakan perkataan dan idea yang sama, dan kedua-duanya juga belum diterbitkan.

Proses pengubahsuaian daripada tesis kepada buku hendaklah mematuhi bahagian anatomi buku, iaitu mengandungi bahan awalan, bahan teks, dan bahan akhiran serta termasuk judul kulit dan blurb. Judul tesis biasanya agak panjang dan bersifat kajian, manakala judul buku pula biasanya menarik, tepat, jelas, ringkas dan padat. Blurb mengandungi perkara-perkara berikut :

## **Blurb**

- Keterangan ringkas penerbit tentang isi sesebuah buku pada jaket bagi buku kulit keras atau pada kulit belakang buku kulit lembut.
- Keterangan tersebut boleh mengandungi ini pati kandungan buku, keistimewaan buku berkenaan, biodata ringkas penulis seperti kelulusan tertinggi, pengalaman/hasil penulisan yang sudah diterbitkan dan kejayaan penulis dalam bidangnya (anugerah).
- Selain itu, boleh juga dimasukkan petikan kata-kata tokoh/pengulas tentang buku berkenaan sebagai sokongan untuk tujuan promosi dan fotograf penulis (jika perlu). Bagi buku bersiri, boleh dimasukkan senarai judul dalam siri tersebut.

Proses pengubahsuaian daripada tesis kepada buku adalah seperti berikut :

## **Bahagian Awalan**

- (i) Halaman Judul Separa  
Disediakan oleh Dewan dengan persetujuan.
- (ii) Halaman Ilustrasi Muka.  
Disediakan oleh penulis.
- (iii) Halaman Judul Penuh  
Disediakan oleh Dewan dengan persetujuan penulis.
- (iv) Halaman Hak Cipta  
Disediakan oleh Dewan.
- (v) Halaman Dedikasi  
Disediakan oleh Dewan
- (vi) Halaman Penaja  
Disediakan oleh Dewan.

- (viii) Halaman Senarai Kandungan  
Diolah mengikut kategori, jenis dan peringkat pembaca.  
Disediakan oleh penulis.
- (ix) Halaman Kata Pengantar  
Teks disediakan oleh tokoh yang dipilih oleh penerbit/penulis.  
(Jika Perlu)
- (x) Halaman Abstrak  
Tiada halaman abstrak dalam buku. Boleh diserapkan dalam halaman Prakata atau blurb.
- (xi) Halaman Prakata  
Disediakan oleh penulis.  
Halaman ini membincangkan tiga perkara :  
- Tujuan buku ditulis.  
- Skop kandungan buku.  
- Sejarah penulisan buku berkenaan.
- (xii) Halaman Penghargaan  
Disediakan oleh penulis atau penerbit kepada individu, institusi, penerbit, dan semua pihak yang menaja dan terlibat dalam penghasilan karya. Jika bahagian ini ringkas, maka bahagian penghargaan penulis kepada semua pihak yang menjayakan sumbangan penulisan buku hendaklah dimasukkan ke dalam Prakata. Jika panjang, maka boleh ditulis dalam halaman Penghargaan. Sekiranya penghargaan tentang buku, perkara yang berikut hendaklah dinyatakan :  
- Judul bahan yang dipetik.  
- Sumber petikan.  
- Nama penerbit.  
- Tahun terbit.

Nota : Contoh bahan awalan disertakan dalam Lampiran 1.

## **Bahagian Teks**

Bahagian ini terdiri daripada pengenalan isi, dan penutup.

## **Pengenalan**

Bab pengenalan dalam buku memuatkan maklumat tentang bagaimana penulis mempersempahkan kandungan buku berkenaan. Bab ini membentangkan kandungan buku berkenaan. Bab ini membentangkan latar belakang kajian, mungkin juga anekdot/cerita yang membawa penulis tergerak atau membuat keputusan untuk mengkaji persoalan kajian atau membentuk hipotesis kajian.

Oleh itu dalam bab Pengenalan ini juga dimasukkan kerangka kajian, kaedah, dan kesimpulan kajian. Antara perkara yang diperkatakan dalam bab ini ialah :

- (i) Bahagian buku (secara ringkas)
- (ii) Kaedah kajian.
- (iii) Pemerolehan bahan dan metodologi.
- (iv) Ulasan kepustakaan

Sekiranya maklumat ini ditulis dalam halaman Pengenalan, maka halaman Prakta hanya mengandungi maklumat ringkas tentang :

- (i) Mengapa tesis ini ditulis dan mengapa dijadikan buku?
- (ii) Untuk siapa buku ini ditulis?
- (iii) Keistimewaan buku.
- (iv) Harapan penulis

## **Isi**

Bab-bab isi disusun mengikut kaedah kronologi, urutan, sebab dan akibat, dan logic. Secara ringkas, perkara "isi" yang boleh diberikan perhatian :

- (i) Panjang bab : Bab hendaklah seimbang dari segi ketebalan kerana dengan sendirinya menggambarkan perbahasan yang seimbang.

- (ii) Keseimbangan bab : Mungkin berlaku proses pemendekan sesetengah bab atau pengembangan bab yang lain. Pemendekan bab mungkin dengan mengurangkan contoh atau mempermudah jadual yang kompleks, manakala pengembangan bab adalah dengan cara memasukkan sesuatu isu, data dan maklumat baru yang mungkin asalnya tidak terdapat dalam disertasi.
- (iii) Jalinan Bab : Disertasi mempunyai tesis induk, oleh itu, setiap bab mungkin mempunyai "subtesis" dan ini memerlukan jalinan atau pertautan abab demi bab bagi membentuk tesis induk yang mantap. Atau boleh juga dilihat jalinan bab demi bab yang bertaut.
- (iii) Kupasan bab : Pengarang dan editor perlu memerhatikan kupasan sesebuah bab yang bermula dengan satu pengenalan dan berakhir dengan rumusan selari dengan persoalan kajian yang diperkenalkan dalam perenggan pengenalan.

## **Penutup**

Bab penutup tesis antaranya mengandungi hasil penemuan kajian, cadangan, dan harapan yang berkait rapat dengan tajuk kajian dan cadangan, dan harapan yang berkait dengan tajuk kajian dan cadangan kajian selepas itu. Bab penutup buku biasanya mengandungi kesimpulan keseluruhan bab buku – yang hendak disimpulkan ialah kajian itu. Apakah kajian itu membuktikan sesuatu berdasarkan data, kaedah kajian, dan analisis yang dibuat.

Bab penutup merupakan rumusan tentang persoalan kajian. Mungkin kesimpulan tentang hasil kajian terhadap persoalan kajian dalam disertasi yang kini menjadi tesis disertasi berkenaan. Pastikan rumusan dan kesimpulan yang dibuat adalah menjawab persoalan kajian, dan bukannya mengemukakan sesuatu penghujahan baru yang tidak pun dibentangkan pada peringkat awal dalam bentuk persoalan kajian, data dan analisisnya. Dalam bab penutup, elakkan daripada mengemukakan cadangan penyelesaian seperti yang diamalkan dalam kertas kerja!

Kini menjadi kelaziman, pengarang memberikan tajuk bab tertentu, seperti bab dalam isi sebagai menggantikan bab penutup

atau kesimpulan. Ada kalanya pengarang menggunakan epilog atau kata hujungan untuk pentup atau kesimpulan.

## **Bahagian Akhiran**

Bahan maklumat di bahagian akhiran adalah seperti yang berikut :

Bahan- bahan akhiran disediakan oleh penulis mengikut format gaya penerbitan Dewan seperti dalam buku Gaya dewan .

- (i) Lampiran
- (ii) Glosari
- (iii) rujukan lanjut (jika perlu)
- (iv) Bibliografi
- (v) Indeks

### Lampiran

- Maklumat tambahan yang penting untuk membantu pembaca memahami teks yang dibaca. Diletakkan di bahagian akhir sebuah buku.
- Bergantung pada keperluan dan lampiran tersebut mestilah menyokong teks.
- seboleh mungkin bahan lampiran dikurangkan, misalnya "borang soal selidik" tidak perlu dijadikan bahan lampiran dalam buku dan monograf kerana kaedah penyelidikan telah dijelaskan sedikit sebanyak dalam Pengenalan.
- Jadual dan data yang teperinci hendaklah dipermudah dan dijadikan bahan jadual dalam teks.
- Pastikan bahan lampiran bukan sesuatu bahan yang sudah diterbitkan, dan oleh itu, boleh dicapai atau didapati dalam pasaran atau perpustakaan. Contohnya, panduan kurikulum pendidikan tidak perlu dipetik sebagai bahan lampiran, kerana boleh dibeli atau dicapai di perpustakaan.

## **Glosari**

- Perkataan, ungkapan, dan istilah yang terdapat dalam teks dan perlu diberikan huraian lanjut untuk membantu pemahaman pembaca.
- Keperluan berganung pada jenis buku. (Tidak wajib.)
- Disusun mengikut abjad.

## **Rujukan Lanjut**

- Rujukan lanjut digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi sesuatu teks yang berkaitan.
- Disusun mengikut abjad.
- Disediakan mengikut Sistem Penulis – Tarikh.

## **Bibliografi**

- Sekiranya sumber bahan rujukan terdiri daripada pelbagai kategori yang jumlahnya melebihi bahan rujukan, bahan tersebut hendaklah disusun mengikut kategori berkenaan, contohnya buku, majalah, jurnal, akhbar, wawancara, laman web, kertas kerja, dan tesis.
- Senarai bahan yang dirujuk oleh penulis dalam menyediakan buku tersebut.
- Disusun mengikut abjad.
- Disediakan mengikut Sistem Penulis – Tarikh.

## **Indeks**

- Indeks ialah senarai perkara dan nama yang dbincangkan dalam buku.
- Terdapat dua jenis indeks, iaitu indeks perkara dan indeks nama.
- Indeks perkara mengandungi perkara berikut :

- Senarai kata kecuali nama khas.
  - Subjek yang dibincangkan.
- 
- Indeks nama boleh mengandungi perkara berikut :
    - Nama orang.
    - Nama Institusi atau badan bergabung.
    - Nama tempat.
  - Indeks disusun mengikut kumpulan entri nama, perkara, peristiwa, konsep, dan lain-lain.

## **7. Penutup**

Buku panduan ini diharapkan dapat membantu para pengguna, terutamanya penulis dalam mengubah suai tesis kepada buku agar dapat menghasilkan buku yang lebih baik dan berkualiti. Walau bagaimanapun, buku panduan ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memantapkan lagi kandungannya.